

18 JUN 2001

Umno-Pemuda/Wanita

PEMUDA DAN WANITA MAHU KUKUHKAN PLATFORM PERGERAKAN

Oleh: Jamaluddin Mohamad dan Norhayati Muda

KUALA LUMPUR, 18 Jun (Bernama) -- Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno mahu menjadikan perhimpunan agungnya pada Rabu ini sebagai platform untuk mengukuhkan pergerakan masing-masing dengan melaksanakan pendekatan yang lebih menyeluruh.

Pemuda Umno dijangka memberi tumpuan kepada agenda bertindak dan hala tuju pergerakan itu manakala Wanita Umno akan menumpukan perhatian terhadap peranan wanita dalam pembangunan negara.

Selain itu, Pemuda dijangka memusatkan pemikiran perwakilannya agar mempunyai semangat perjuangan dan mood yang baru.

"Dengan semangat dan mood yang baru, Pemuda boleh jadikan 2001 sebagai tahun kebangkitan semula pergerakan itu sesuai dengan amanat pemimpin tertinggi parti yang mahukan pergerakan itu merintis jalan pengukuhan Umno," kata Penolong Setiausaha Pemuda Zulkifli Alwi, ketika dihubungi Bernama di sini, hari ini.

Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam amanatnya kepada pergerakan itu baru-baru ini menggariskan tiga tugas utama Pemuda iaitu menambah keanggotaan, mendaftarkan anggota sebagai pengundi dan membuka bilik gerakan.

Zulkifli berkata semangat perjuangan dan mood baru itu perlu berikutan tamparan hebat yang diterimanya pada pilihan raya umum lepas selain kini menghadapi cabaran semasa termasuk imej pergerakan itu dan kedudukan hak istimewa Melayu.

"Perhimpunan itu diharap dapat menetapkan mood Pemuda agar sentiasa berada dalam mood pilihan raya, membolehkan mereka bekerja sepanjang masa seolah-olah pilihan raya umum akan diadakan esok," katanya.

Pada perhimpunan itu, katanya Pemuda akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha mendekati rakyat bagi membantu menyelesaikan masalah rakyat.

Ketua Wanita Umno Datuk Seri Rafidah Aziz dalam sidang media pada Jumaat lalu berkata pergerakan itu berpuas hati dengan struktur kepimpinan sedia ada.

Wanita tidak bercadang mengadakan rombakan kerana Wanita Umno kini adalah stabil dan sepakat di setiap negeri, katanya.

Bagaimanapun, Rafidah mahu setiap anggota pergerakan itu bekerja lebih kuat demi kepentingan parti dan masyarakat.

Seramai 689 perwakilan Pemuda dan 635 perwakilan Wanita akan menghadiri perhimpunan sehari pergerakan masing-masing di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini.

Mesyuarat Pemuda akan diadakan di Dewan Tun Dr Ismail dan Wanita di Dewan Tun Hussein Onn.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga Timbalan Presiden Umno dijadual merasmikan kedua-dua mesyuarat berkenaan serentak di Dewan Merdeka pada pukul 8 pagi.

Sementara itu, Puteri Umno akan buat pertama kalinya menonjolkan diri pada Perhimpunan Agung Umno mulai Rabu hingga Sabtu ini.

Ketua sayap baru Umno itu, Azalina Othman Said, berkata Puteri Umno akan menggunakan perhimpunan itu untuk memperkenalkan Puteri Uno kepada perwakilan dan orang ramai di samping melancarkan kempen menambah anggota.

"Bersama-sama dengan Biro Tindakan Sivil (yang diketuai Azalina), Puteri Umno juga akan menjalankan beberapa aktiviti kemasyarakatan sepanjang perhimpunan berkenaan," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Azalina berkata orang ramai dijemput ke Gerai Pusat Khidmat/Pengaduan

dan Pusat Bantuan Guaman di ruang legar PWTC semasa perhimpunan itu bagi membolehkan mereka mengikuti dengan lebih dekat kegiatannya.

-- BERNAMA

JM NM ES NAK